

Sinar Harapan 20/05/2010 NIS 86

Kes denggi Tasik Puteri meningkat

BANDAR TASIK PUTERI – Majlis Perbandaran Selayang (MPS) mengambil tindakan proaktif dalam menangani kawasan 'hot spot' denggi memandangkan 55 kes dilaporkan, di sini.

Statistik awal tahun hingga Mei ini menunjukkan, angka kes itu membimbangkan sekali gus menyebabkan MPS mengadakan Operasi Bersepadu Cegah Denggi di 1,624 premis rumah manakala 581 daripadanya diperiksa.

Daripada 3,128 itu, jumlah bekas diperiksa dalam operasi sama dan 37 daripadanya didapati positif mengandungi jentik-jentik nyamuk Aedes.

Pengarah Jabatan Kesihatan MPS, Dr Razif Zainol Abidin berkata, setakat tahun ini, satu kes kematian akibat demam denggi dilaporkan di Taman Tun Teja, Rawang.

Serius mahu menangani masalah demam denggi katanya, bagi awal tahun sehingga kini, pihaknya mengeluarkan 259 kompaun atas kesalahan berkaitan di kawasan MPS bagi Mukim Rawang dan Setapak.

"Lima tempat terdiri daripada kawasan komersil termasuk dua lagi syarikat tapak pembinaan ditutup setelah didapati mempunyai tempat pembiakan nyamuk Aedes

"Kawasan ditutup itu adalah di kawasan industri Rawang Integrated dan Taman Tun Perak termasuk di tapak pembinaan bagi perumahan di Taman Samudera," katanya.

Razif berkata, ops bersepadu julung kali diadakan tahun ini melibatkan 100 kakitangan membuat pemeriksaan dari rumah ke rumah secara serentak bagi melicinkan tugas pemantauan tempat pembiakan nyamuk Aedes.

Katanya, selain anggota dari Jabatan Kesihatan MPS, 30 dari Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Gombak dan selebihnya adalah kakitangan Jabatan Kejuruteraan, Penilaian dan Pembangunan MPS.

"Kakitangan jabatan lain ditarik untuk membantu kerana agak sukar jika kami

sahaja memeriksa semua rumah dalam masa sehari dengan jumlah premis dilawati.

"Ini disebabkan jumlah anggota Jabatan Kesihatan MPS amat terhad iaitu hanya enam anggota bagi dua hingga tiga kumpulan membuat pemeriksaan pada hari biasa," katanya.

Menurutnya, berbanding operasi kali ini, daripada 100 anggota pemeriksa, mereka dibahagikan kepada 33 kumpulan yang membuat pemeriksaan di setiap lorong rumah dan hanya mengambil masa kira-kira setengah hari.

Katanya, dalam operasi ini juga tidak mengeluarkan sebarang kompaun berikutan mahu memberikan tumpuan kesedaran penjagaan kawasan terlebih dahulu, sebelum tindakan penguatkuasaan.

"Selain menggerakkan kakitangan MPS jabatan lain membantu membuat pemeriksaan denggi umpama kerja gotong-royong, kita harap mereka lebih faham tempat mempunyai pembiakan nyamuk.

"Penduduk yang tinggal di kawasan yang diperiksa perlu lebih prihatin dengan kebersihan masing-masing," katanya.

Ditanya tindakan denda tidak diambil menurutnya, ia agak sukar berikutan penduduk biasanya enggan memberi kerjasama dengan tidak membuka pintu.

Katanya, pendekatan memberikan kesedaran perlu didahulukan sebelum tindakan tegas iaitu penalti RM500 terhadap satu tempat pembiakan Aedes ditemui berdasarkan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 Pindaan 2000.

"Dalam operasi di sini, kita juga menghadapi kesukaran kerana banyak rumah didapati masih tidak berpenghuni dan ditinggalkan," katanya.

INFO

- 1,624 rumah terlibat, 581 diperiksa
- 37 rumah positif jentik-jentik



● Banyak rumah terbiar dan semak di Bandar Tasik Puteri.

Pelaksanaan Combi suram

Sementara itu, Penolong Pegawai PKD Gombak, Harun Abdul Hamid dalam operasi terbabit berkata, pelaksanaan 'Communication for Behavioural Impact' (Combi) atau komunikasi untuk perubahan tingkah laku bagi membendung isu denggi yang dilaksanakan sejak ditubuhkan pada 2005 semakin suram.

Katanya, sebelum ini dilaksanakan pemimpin masyarakat setempat, namun semakin berkurangan susulan perubahan tampuk Kerajaan Negeri.

"Sebelum ini, antara 30 peratus kawasan sudah ditubuhkan dan aktif melaksanakan Combi ini adalah seperti di Bandar Country Homes, Kampung Kerdas, Selayang Baru dan kawasan 'hot spot' lain.

"Bagaimanapun seka-

rang, kita mendapat arahan daripada pihak Kementerian supaya program Combi ini kembali dihidupkan dan akan membantu melatih orang baru untuk melaksanakannya semula," katanya.

Menurutnya, pelaksanaan Combi efektif mengurangkan masalah tempat pembiakan denggi di kawasan berkaitan.

Terdahulu, Harun berkata, antara punca masalah demam denggi semakin diperkatakan akhir-akhir ini disebabkan faktor cuaca hujan tidak menentu selain kesedaran penjagaan tempat boleh mengundang tempat pembiakan nyamuk Aedes tidak dititikberatkan.

"Selain itu, tindakan penduduk seperti melaksanakan gotong-royong mencegah denggi hanya mengikut musim," katanya.



"Sebelum ini, antara 30

peratus kawasan sudah ditubuhkan dan aktif melaksanakan Combi ini adalah seperti di Bandar Country Homes, Kampung Kerdas, Selayang Baru dan kawasan 'hot spot' lain. Bagaimanapun sekarang, kita mendapat arahan daripada pihak Kementerian supaya program Combi ini kembali dihidupkan dan akan membantu melatih orang baru untuk melaksanakannya semula."

- Penolong Pegawai PKD Gombak, Harun Abdul Hamid



● Pembantu Kesihatan Awam MPS, Rosli Osman, memberikan



● Lentik-lentik nyamuk denggi ditemui